

**MEMANFAATKAN MUSIM CUTI SEKOLAH  
9 DISEMBER 2022 / 14 JAMADIL AWAL 1444H**

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُوْرٍ اَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
اَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُّضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُوْلُهُ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِيْنَ.  
اَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Cuti sekolah adalah saat yang dinanti-nantikan oleh anak-anak kita yang bersekolah kerana mereka bebas daripada buku-buku pelajaran, aktiviti kokurikulum atau pun kelas tambahan. Inilah masanya untuk mereka berehat, berseronok dan melakukan sesuatu yang disukai oleh mereka.

Sebenarnya masa cuti persekolahan bukanlah untuk dihabiskan sepenuhnya dengan berseronok dan melupakan terus pelajaran sekolah. Ibu bapa mestilah

merancang aktiviti yang dapat memanfaatkan masa cuti sekolah anak-anak mereka dengan sebaik-baiknya. Perlu diingat bahawa pada musim cuti sekolah inilah pelbagai peristiwa atau tragedi yang menyayat hati kerap kali berlaku seperti mati lemas, kemalangan jalanraya, penculikan kanak-kanak malah terdapat juga kes-kes jenayah yang dilakukan oleh remaja yang masih di bangku sekolah. Membiarkan anak-anak sendiri menguruskan masa cuti tanpa kawalan akan menyebabkan mereka mudah terjebak dengan aktiviti sosial yang merosakkan apatah lagi jika ia melibatkan perkara yang berkaitan dengan akidah seorang muslim. Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

**Yang bermaksud:** *"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanyalah yang akan menjadikan anak itu seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi".*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Masa itu ibarat emas. Ungkapan ini biasa disebut-sebut bagi menggambarkan betapa masa itu sangat berharga. Namun kebanyakan kita kadang-kadang terlupa dan terleka untuk memanfaatkan nikmat masa lapang dan kesihatan tubuh badan dengan sebaik-baiknya. Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

**Yang bermaksud:** "Dua nikmat yang sering memperdaya manusia; kesihatan dan kelapangan masa".

Ketahuiilah bahawa orang yang bijak mengurus masa dengan melakukan perkara yang berfaedah adalah orang yang berjaya. Sebaliknya orang yang lalai dan membuang masa adalah orang yang rugi. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-'Asr ayat 1 hingga 3:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا  
بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

**Yang bermaksud:** "Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar".

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Amanah ibu bapa bukan hanya setakat memenuhi keperluan fizikal dan pendidikan anak-anak tetapi yang lebih utama ialah menyemai dalam diri mereka nilai-nilai agama sejak daripada kecil lagi. Kita hendaklah mengambil contoh Luqman al-Hakim mendidik anak-anaknya. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Luqman ayat 17:

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

**Yang bermaksud:** *“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat yang makruf dan cegahlah (mereka) daripada yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya perkara itu urusan yang perlu diambil berat dengan penuh keazaman.”*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Terdapat bermacam-macam aktiviti yang boleh dirancang dan dilaksanakan pada musim cuti persekolahan anak-anak antaranya: Mengajak mereka menunaikan solat fardhu lima waktu sepenuhnya secara berjemaah di masjid kerana ia adalah asas bagi segala amalan yang baik. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud:

**Yang bermaksud:** *”Suruhlah anak kamu menunaikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka ketika mereka berumur sepuluh tahun jika mereka enggan menunaikan solat dan pisahkan tempat tidur mereka.”*

Bimbinglah anak-anak kita untuk mempelajari al-Quran. Ajaklah mereka membantu kerja-kerja di rumah. Bawalah mereka menziarahi sanak saudara. Pergilah melancong bersama-sama mereka agar mereka berpeluang untuk melihat dan mengenali dunia luar. Anak-anak juga boleh dihantar untuk menyertai kursus jangka pendek seperti kelas ICT, kelas fadhu ain, kem solat, kelas-kelas kemahiran atau apa sahaja aktiviti yang bersesuaian yang boleh memberi nilai tambah kepada pembentukan jati diri anak-anak kita.

Ibu bapa hendaklah sentiasa mendoakan kesejahteraan anak-anak kerana doa ibu bapalah boleh menyebabkan kehidupan anak dirahmati, diberkati dan dilindungi daripada segala bencana.

Marilah kita hayati firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Furqan ayat 74:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

**Yang bermaksud:** “Dan mereka berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah daripada isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk mata hati (kami), dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang yang bertakwa.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.